

MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT
BILANGAN 3 TAHUN 2020

TARIKH : 19 MEI 2020 (SELASA)
MASA : 9.30 PAGI
TEMPAT : DEWAN KOMPLEKS SUKAN,
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

HADIR

1. Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, *S.I.S.,P.P.T.* - Pengerusi
(Yang Dipertua)
2. Y.A.D. Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin - Ahli Majlis
Tengku Harun, *D.S.I.S.,A.M.S.,P.J.K.*
Tengku Penggawa Muda Paduka Maha Bijaya
Orang Besar Daerah Kuala Langat
3. Encik Wong Kim Loon - Ahli Majlis
4. Encik Rosdi bin Meor Endut - Ahli Majlis
5. Encik Mat Irwan bin Ismail - Ahli Majlis
6. Cik Ang Lee Yong - Ahli Majlis
7. Encik Ang Eu Liang - Ahli Majlis
8. Encik Nadasan a/l Subramani - Ahli Majlis
9. Encik Haridass a/l Ramasamy - Ahli Majlis
10. Encik Gan Yee Chin - Ahli Majlis
11. Encik Teh Eng Teck - Ahli Majlis
12. Encik Lim Tou Yih - Ahli Majlis
13. Encik Mohd Afiq bin Mohd Tuniman - Ahli Majlis
14. Encik Munusamy a/l Erishin - Ahli Majlis
15. Encik Razali bin Ahmad - Ahli Majlis
16. Encik Sethupathy a/l Subramaniam - Ahli Majlis
17. Puan Rahimah binti Harun - Ahli Majlis
18. Puan P. Umananthini a/p Gnanapragasam - Ahli Majlis
19. Encik Low Kok Hua - Ahli Majlis
20. Encik Mohd Yasin bin Alwi, *A.I.S.* - Setiausaha

TURUT HADIR

1. Encik Miskon bin Haji Karim,*A.I.S., P.P.T.* - Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Kamarulzaman bin Ahmad,*P.J.K.* - Pengarah Jabatan Perbendaharaan
3. Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat,*A.M.S., P.P.T., P.K.T.*- Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan
4. Encik Zulkefli bin Mohamed Arif,*P.P.T.* - Pengarah Jabatan Kejuruteraan
5. Tuan Haji Zailani bin Hashim,*P.P.T., P.K.T.* - Pengarah Jabatan Kawalan Bangunan
6. Encik Hishamuddin bin Ismail,*P.P.T.* - Pengarah Jabatan Pelesenan
7. Encik Syamsol Herwan bin Ahmad - Pengarah Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran
8. Puan Lisawati binti Abd. Karim - Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
9. Puan Norain binti Mohamed - Pengarah Jabatan Pembangunan Masyarakat
10. Tuan Haji Mazlan bin Abdul Manap - Pengarah Jabatan Landskap
11. Puan Nordila binti Yasir - Pengarah Jabatan Penguatkuasaan
12. Tuan Haji Fauzi bin Din, *P.J.K.* - Ketua Unit Perundangan
13. Tuan Haji Nordin bin Haji Hashim - Ketua Unit OSC
14. Ybhg. Datin Mohaneswary a/p Batumalai@ Subaramaniam - Ketua Unit Audit Dalam
15. Encik Mohammad Kamal bin Mohd Ramlan, *P.P.T.*- Ketua Unit Korporat dan Perhubungan Awam
16. Encik Mohd Firdaus bin Zainal Abidin - Ketua Bahagian Teknologi Maklumat
17. Encik Muhammad Asyraf bin Mohammad Jasni - Ketua Unit Perolehan dan Ukur Bahan
18. Tuan Haji Ngadni bin Mohamad, *P.J.K.* - Ketua Unit Pesuruhjaya Bangunan

TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Puan Nor Aishah binti Abdul Majid | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Baharudin bin Misran, <i>P.J.K.</i> | - | Ahli Majlis |

URUS SETIA (JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN)

- | | | | |
|----|------------------------------------|---|--------------------------------|
| 1. | Puan Nurfadhilah binti Jalaludin | - | Pegawai Tadbir |
| 2. | Encik Abdul Mutalib bin Mohd Yunus | - | Penolong Pegawai Tadbir |
| 3. | Puan Rosmawati binti Othman | - | Pembantu Setiausaha
Pejabat |
| 4. | Puan Nur Hazlynda binti Sahimi | - | Pembantu Setiausaha
Pejabat |
| 5. | Encik Noor Ridhuan bin Abdul Jalil | - | Pembantu Operasi |
| 6. | Encik Mohd Sahlan bin Tukiran | - | Pembantu Operasi |

PERKARA	TAJUK PERKARA	TINDAKAN
1.0	<u>BACAAN DOA</u>	
	Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa yang dipimpin oleh Tuan Haji Fauzi bin Din, Ketua Unit Perundangan.	Makluman
2.0	<u>UCAPAN Pengerusi</u>	
	Tuan Pengerusi memberi salam dan mengalu-alukan kehadiran YAD Orang Besar Daerah, Ahli-ahli Majlis, Timbalan Yang Dipertua dan Pengarah-Pengarah Jabatan pada mesyuarat hari ini. Dalam ucapannya, beliau memaklumkan perkara-perkara berikut:	
2.1	<p>Beliau menyatakan pelbagai perkara telah berlaku dalam daerah Kuala Langat ini sepanjang tempoh 2 bulan ini. Namun kerja-kerja MPKL tidak terhenti susulan pengumuman pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan beberapa siri mesyuarat telah diadakan bersama-sama agensi seperti Pejabat Daerah/Tanah Kuala Langat, Pejabat Kesihatan Daerah dan lain-lain dalam usaha menangani penularan wabak COVID-19 ini. Atas usaha keras semua pihak, daerah Kuala Langat adalah daerah pertama di Negeri Selangor yang diumumkan sebagai Zon Hijau iaitu bebas COVID-19.</p> <p>Pihak Majlis ada melakukan kerja-kerja sanitasi pasar awam dan beberapa kawasan awam milik MPKL.</p> <p>Selain itu, perbincangan di peringkat Negeri Selangor turut diadakan bagi membincangkan tindakan-tindakan yang boleh diambil dalam menjaga keselamatan dan kesejahteraan orang awam.</p>	Makluman
2.2	MPKL akan beroperasi sepenuhnya selepas 9 Jun 2020 ini dengan lebih pengawalan kesihatan berdasarkan standard prosedur operasi (SOP) yang ditetapkan. Ketika ini kehadiran bekerja kakitangan adalah secara bergilir-gilir. Mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa akan diadakan dengan mengambil kira penjarakkan sosial. Selepas tarikh tersebut juga pihak Majlis akan mengkaji semula sama ada membenarkan pasar awam beroperasi seperti biasa atau perlu mematuhi SOP sedia ada. Manakala premis-premis lain perlu	Makluman

		menggunakan Aplikasi SELangkah dalam memastikan pelanggan yang memasuki premis tersebut adalah sihat dan tidak bergejala.	
	2.3	Semua kerja-kerja di lapangan memerlukan kebenaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan. Namun pihak Majlis hanya memerlukan pelan keselamatan di tapak untuk memastikan SOP dipatuhi.	Makluman
	2.4	Pasar awam milik MPKL tidak akan beroperasi pada 25 dan 26 Mei 2020 ini susulan cuti Hari Raya Aidilfitri. Ini kerana kakitangan Majlis akan bercuti pada hari tersebut dan sekiranya pasar awam dibuka dikhuatiri tiada pengawalan penjarakkan oleh orang awam dalam kawasan pasar.	Makluman
3.0	<u>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</u>		
	3.1	MINIT MESYUARAT MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BILANGAN 2 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 25 FEBRUARI 2020	
		<p>Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh Encik Wong Kim Loon dan disokong oleh Encik Nadasan a/l Subramani dengan pindaan kepada :</p> <p><u>Perkara 2.2</u></p> <p>Cik Ang Lee Yong ingin tahu adakah kualiti air akan dipantau setiap hari. Beliau juga memohon salinan laporan yang dihantar ke JAS diedarkan kepada <u>Ahli Majlis</u> dipinda kepada <u>Majlis Perbandaran Kuala Langat.</u></p>	Makluman
4.0	<u>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</u>		
		- TIADA -	

5.0	<u>MENIMBANG, MENERIMA DAN MELULUSKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA-JAWATANKUASA MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</u>		
	5.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PERKHIDMATAN DAN TEKNOLOGI MAKLUMAT BILANGAN 3 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 MAC 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	<p>Perkara 3.1</p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan Majlis Pengisytiharan Majlis Perbandaran Kuala Langat akan ditangguhkan pada tahun ini dan dicadang untuk diadakan pada tahun hadapan. Selain itu, pihak Majlis akan menghantar surat kepada Ketua Setiausaha Sulit D.Y.M.M. Sultan Selangor bagi mendapatkan perkenan mengenai logo baharu MPKL.</p> <p><i>Encik Mat Irwan berharap pihak Majlis akan menyediakan peruntukan untuk Majlis Pengisytiharan ini pada tahun 2021.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan tersebut dan akan mengenal pasti beberapa program tahunan MPKL yang boleh diadakan bersekali dengan sambutan Majlis Pengisytiharan tersebut.</i></p>	Makluman
	ii.	<p>Perkara 4.7</p> <p>Encik Wong Kim Loon ingin tahu status pertukaran Pengarah Jabatan/Ketua Unit/Ketua Bahagian MPKL yang sepatutnya berkuat kuasa mulai 1 April 2020.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pertukaran ini telah ditangguhkan dan pihak Majlis akan menyemak semula perkara ini.</i></p>	Makluman

	5.2	MESYUARAT JAWATANKUASA KEWANGAN BILANGAN 3 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 12 MAC 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	<p>Perkara 4.3</p> <p>1. Cik Ang Lee Yong ingin tahu sama ada pihak Majlis akan memasang meter air individu atau meter air pukal di Pasar Awam Banting.</p> <p><i>Pengarah JPPH memaklumkan meter air individu akan dipasang di petak niaga setiap penyewa petak untuk memudahkan pihak Majlis mengira jumlah penggunaan air oleh setiap peniaga. Meter air pukal akan dipasang bagi mengetahui jumlah keseluruhan penggunaan air di bangunan pasar.</i></p> <p><i>Encik R. Haridass memaklumkan terdapat peniaga yang dikenakan caj bayaran air melebihi penggunaan.</i></p> <p>2. Encik Wong Kim Loon membangkitkan mengenai keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan sebelum ini yang tidak bersetuju dengan pelaksanaan pembayaran sewa petak niaga menggunakan kemudahan auto debit oleh pihak Maybank.</p> <p><i>Pihak Majlis mengambil maklum perkara ini dan peniaga akan membayar sewa bulanan petak niaga secara terus dengan pihak Majlis.</i></p>	Makluman
	ii.	<p>Perkara 5.3.1</p> <p>Encik Ang Eu Liang memaklumkan terdapat petak niaga di Pasar Pagi Jenjarom yang mempunyai tiga orang peniaga berbeza yang berniaga secara bergilir-gilir.</p>	Makluman
	iii.	Encik Mat Irwan menyatakan unjuran pendapatan MPKL mungkin akan menunjukkan penurunan susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan ketika	Makluman

		peringkat awal penularan COVID-19. Oleh itu, beliau berharap Jawatankuasa Kewangan ini mempunyai kaedah untuk memperkukuhkan kewangan MPKL dalam usaha meningkatkan semula pencapaian kutipan hasil seperti sebelum ini. Beliau percaya situasi ini akan berlanjutan untuk tempoh 2 atau 3 tahun akan datang. Pada masa yang sama, masyarakat meletakkan harapan yang tinggi kepada peningkatan mutu perkhidmatan pihak Majlis susulan telah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran.	
	5.3	MESYUARAT JAWATANKUASA KEMASYARAKATAN BILANGAN 3 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 13 MAC 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	<p>Perkara 4.1</p> <p>Encik Gan Yee Chin memaklumkan pihak Kerajaan telah membenarkan semula pelaksanaan beberapa aktiviti. Oleh itu, beliau berpendapat Ahli Majlis boleh dibenarkan untuk menggunakan peruntukan bagi membuat program-program kecil atau sumbangan kepada mereka yang memerlukan. Baru-baru ini terdapat kebakaran rumah penduduk dalam zon beliau tetapi beliau merasa kecewa kerana tidak dapat membantu bagi meringankan beban mangsa kebakaran tersebut.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan JPM akan melihat semula baki peruntukan Ahli Majlis dan akan mengenal pasti bentuk program yang dibenarkan untuk dilaksanakan sehingga penghujung tahun ini. Perkara ini akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan yang akan datang.</i></p> <p><i>Encik Wong Kim Loon ingin tahu sama ada Ahli Majlis dibenarkan membuat tuntutan bagi program-program atau perolehan yang telah dilakukan sebelum pelaksanaan PKP. Ini adalah kerana pihak JPM ada mengeluarkan surat pembekuan penyaluran peruntukan sepanjang pelaksanaan PKP.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi menyatakan Ahli Majlis boleh mengemukakan tuntutan program tersebut kepada</i></p>	Makluman

		<i>pihak JPM untuk pertimbangan proses pembayaran. Selain itu, Ahli Majlis dibenarkan untuk menggunakan peruntukan bagi tujuan sumbangan kepada mereka yang memerlukan bantuan. Namun program yang melibatkan orang ramai masih tidak dibenarkan.</i>	
	5.4	MESYUARAT JAWATANKUASA PENGINDAHAN BANDAR BILANGAN 3 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 MAC 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	Tuan Pengerusi memaklumkan pihak Majlis akan melakukan kerja-kerja penyelenggaraan pokok dengan menggunakan peruntukan MARRIS. Selain itu, pembuangan sampah haram turut berlaku sepanjang tempoh PKP ini dan tindakan telah diambil kepada individu yang dikesan berbuat demikian.	Makluman
	ii.	<p>Perkara 3.1</p> <p>1. Encik Gan Yee Chin membangkitkan mengenai penyerahan kerja-kerja pemotongan rumput di Persiaran Bandar Mahkota kepada JPSPKP untuk dilaksanakan oleh KDEB. Walau bagaimanapun, beliau ingin tahu sama ada kawasan landskap di situ juga telah diserahkan kepada KDEB untuk penyelenggaraan. Beliau mendapati pihak JKR melakukan kerja-kerja pemotongan rumput di bahagian jalan masuk sahaja dan tidak bersambungan dengan kawasan yang dilaksanakan oleh pihak KDEB menyebabkan kawasan di pertengahan jalan tersebut semak-samun.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pihak Majlis akan mengambil alih kawasan tersebut daripada pemaju untuk kerja penyelenggaraan rumput.</i></p> <p>2. Encik R. Haridass menyatakan Taman Seri Jaromas turut menghadapi masalah yang sama dimana pihak pemaju masih tidak mengambil tindakan terhadap aduan yang dikemukakan seperti lampu jalan, kolam tadahan dan lain-lain.</p>	Makluman

		<p><i>Pengarah JK memaklumkan pembangunan Taman Seri Jaromas masih belum siap sepenuhnya dan menjadi tanggungjawab pemaju untuk menyelesaikan perkara-perkara berbangkit tersebut.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi menyatakan pihak Majlis mengambil maklum bahawa masih terdapat pemaju yang masih tidak patuh kepada isu infrastruktur di kawasan pemajuan masing-masing. Pihak Majlis akan melihat perkara ini satu persatu untuk mengelakkan pemaju bersikap lepas tangan.</i></p>	Makluman
	5.5	MESYUARAT JAWATANKUASA INFRASTRUKTUR DAN PENGANGKUTAN AWAM BILANGAN 3 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 17 MAC 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diterima dan diluluskan dengan membincangkan perkara-perkara berikut :	
	i.	<p>Perkara 4.1</p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan pada masa ini Bas Smart Selangor Laluan 1 sahaja yang beroperasi sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini. Namun jumlah penumpang yang direkodkan menunjukkan penurunan.</p>	Makluman
	ii.	<p>Tuan Pengerusi memaklumkan JK akan mendapatkan maklum balas bagi perkara-perkara berbangkit yang melibatkan tindakan oleh pihak JKR. Pada masa akan datang, Mesyuarat Jawatankuasa ini akan lebih menumpukan untuk membincangkan perkara-perkara berbangkit melibatkan pihak Majlis.</p> <p><i>Encik E. Munusamy memaklumkan pernah membangkitkan kepada pihak JKR supaya menutup wayar pendawaian di tiang lampu di hadapan sebuah sekolah susulan aduan daripada pihak sekolah. Namun pihak JKR lewat mengambil tindakan.</i></p>	Makluman

6.0	<u>MEMAKLUMKAN PERAKUAN-PERAKUAN JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT YANG TERCATIT DALAM MINIT-MINIT MESYUARAT BERIKUT:</u>		
	6.1	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BILANGAN 3 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN PADA 14 FEBRUARI 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
	6.2	MESYUARAT JAWATANKUASA PUSAT SETEMPAT (JKOSC) BIL 4 TAHUN 2020 YANG TELAH DIADAKAN 28 FEBRUARI 2020	
		Minit mesyuarat ini telah diambil maklum.	Makluman
7.0	<u>PERKARA-PERKARA YANG DIBINCANGKAN</u>		
	7.1	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 1</u></p> <p>PENGESAHAN PINDAAN KEPADA SENARAI NILAIAN MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT MULAI 1 JULAI 2020.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Asas-asas pertimbangan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Sebanyak 964 pegangan baru dimasukkan ke dalam senarai nilai melibatkan 1,216 pegangan dipinda nilai tahunan dan 77 pegangan dibatalkan daripada senarai nilai. <p>Jumlah pegangan bertambah sebanyak 887 pegangan berkuatkuasa pada 1 Julai 2020 menjadikan jumlah pegangan berdaftar adalah sebanyak 87,241 pegangan.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Pertambahan pegangan harta baru dan pindaan harta semasa menyebabkan pertambahan nilai tahunan sebanyak RM 4,032,670.00 dimana anggaran cukai taksiran bertambah sebanyak RM 343,909.80. 3. Anggaran nilai tahunan pegangan Majlis mulai 1 Julai 2020 ialah RM 495,233,864.10 dan anggaran jumlah kutipan cukai taksir pula ialah 	JPPH

		<p>RM 40,389,952.90.</p> <p><u>Syor jabatan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pihak urus setia mengesyorkan Majlis Mesyuarat dapat mengesahkan Pindaan Senarai Nilai Majlis Perbandaran Kuala Langat mulai 1 Julai 2020. <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Mesyuarat bersetuju meluluskan dan mengesahkan Pindaan Senarai Nilai Majlis Perbandaran Kuala Langat mulai 1 Julai 2020. 	
	<p>7.2</p>	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 2</u></p> <p>PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pengesahan mesyuarat.</p> <p><u>Latar belakang</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 9 Tahun 2017 mengkehendaki semua sektor awam yang melaksanakan perakaunan akruan hendaklah memastikan semua urus niaga dan transaksi mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia. 2. Oleh itu, Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor supaya menggunakan piawai MPSAS bagi penyata kewangan tahun berakhir 31 Disember 2017. 3. Oleh yang demikian, pihak Majlis telah menyediakan Penyata Kewangan Peralihan MPSAS tersebut. <p><u>Penyata prestasi kewangan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hasil pendapatan Majlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM 105 juta iaitu peningkatan sebanyak 23% berbanding tahun perbandingan sebelum iaitu sebanyak 	<p>JP</p>

		<p>RM 80.7 juta. Peningkatan yang signifikan dalam item Lain-Lain Sumbangan dimana Kemudahan Aset Infrastruktur dan Taman diiktiraf sebagai hasil Majlis bermula pada tahun 2019.</p> <p>2. Bagi perbelanjaan pula, pada tahun kewangan 2019 sebanyak RM 71.6 juta telah dibelanjakan dan menunjukkan peningkatan sebanyak 6% daripada tahun perbandingan sebelum iaitu RM 67.4 juta. Peningkatan ini sejajar dengan unjuran peningkatan yang disediakan dalam belanjawan tahunan Majlis terutama dalam aktiviti penyelenggaraan sampah, sisa pepejal dan landskap.</p> <p><u>Penyata kedudukan kewangan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Aset semasa Majlis pada tahun kewangan 2019 adalah sebanyak RM 198.7 juta iaitu meningkat 27% daripada tahun sebelum iaitu sebanyak RM 156.1 juta. 2. Aset bukan semasa Majlis adalah sebanyak RM 757.8 juta. Ini menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding tahun sebelum iaitu sebanyak RM 37.26 juta. Peningkatan ini adalah signifikan dengan nilai buku bagi Hartanah, Loji dan Peralatan selepas disusut nilai. 3. Liabiliti semasa Majlis adalah sebanyak RM 114.7 juta iaitu peningkatan sebanyak 47% berbanding tahun sebelum iaitu RM 77.5 juta. 4. Liabiliti bukan semasa pula adalah komitmen pinjaman daripada Kerajaan Negeri dan pinjaman sewa beli jangka panjang. <p><u>Syor jabatan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Pihak urus setia mengesyorkan Ahli Mesyuarat dapat menerima dan mengesahkan Penyata Kewangan ini sebelum diserahkan kepada Jabatan Audit Negara sebelum atau pada 30 Jun 2020 ini. <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju menerima dan mengesahkan Penyata Kewangan Majlis Daerah Kuala Langat bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 ini.</p>	
--	--	---	--

	7.3	<p><u>KERTAS MESYUARAT NO. 3</u></p> <p>KERTAS CADANGAN MEMBATALKAN PROJEK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. BANGUNAN PEJABAT 9 TINGKAT 2. SEBUAH PONDOK PENGAWAL 1 TINGKAT 3. SEBUAH PENCAWANG ELEKTRIK 1 TINGKAT 4. TANGKI AIR LUARAN DAN RUANG PAM AIR 5. SEBUAH LOJI RAWATAN KUMBAHAN <p>DI ATAS LOT PT. 2164, SEKSYEN 3, BANDAR BANTING, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Asas-asas pertimbangan</u></p> <p>Pihak Majlis disarankan untuk mengambil tindakan pembatalan projek ini berasaskan beberapa faktor seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Projek ini telah terbengkalai untuk satu tempoh yang panjang. 2. Pihak kontraktor dan perunding-perunding yang dilantik tidak bersepakat dalam menyelesaikan masalah pembinaan ini. 3. Pihak konsultan tidak dapat memberikan penyelesaian yang jitu berkaitan isu penanaman cerucuk. 4. Kontraktor mempunyai konflik dalaman di antara sub-kontraktor sehingga terdapat tuntutan bayaran melalui peguam yang dilantik oleh pihak sub-kontraktor kepada MPKL. 5. Cadangan yang disarankan oleh pihak kontraktor, konsultan atau konsultan bebas untuk cadangan pembaikan cerucuk adalah diluar kemampuan kewangan pihan Majlis. 6. Berikut adalah kos yang dikemukakan oleh HFM Daya Bina selaku kontraktor utama dan KH Zam Engineers Sdn. Bhd. Selaku perunding struktur pihak Majlis bagi membaik pulih cerucuk seperti yang disyorkan oleh pihak Terrain Resources 	JKB
--	-----	--	-----

Sdn. Bhd. :	
KH Zam Engineers Sdn. Bhd.	HFM Daya Bina Sdn. Bhd.
<p>1. Memaklumkan bahawa anggaran kasar kos pembaikan cerucuk mengikut syor TRSB ialah sebanyak RM 27 juta dan tidak bersetuju untuk menggunakan syor tersebut kerana kaedah tersebut tidak sesuai, masa pembinaan yang lama dan kos yang tinggi.</p> <p>2. Sekiranya MPKL masih ingin meneruskan pembaikan mengikut syoran daripada TRSB, pihak KH Zam memohon pihak Majlis untuk mengeluarkan surat arahan yang terperinci dan bersetuju untuk membayar fee perunding yang terlibat kerana kerosakan cerucuk yang berpunca daripada kecuaiian pengendalian kontraktor di tapak. Anggaran fee adalah sebanyak RM 1.2 juta.</p>	<p>1. Pihak HFM Daya Bina telah mengemukakan dua cadangan kos pembaikan mengikut syor daripada TRSB iaitu :</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px;"> <p><u>Cadangan 1 (G-Pile System Sdn. Bhd.)</u></p> <p>Kos : RM 7,508,275.00</p> <ul style="list-style-type: none"> - Piling work - Mobilisation equipment - Preliminary Test Pile <p><u>Cadangan 2 (Samalaju Engineering)</u></p> <p>Kos : RM 13,073,106.87</p> <ul style="list-style-type: none"> - Preliminary work - Bored pile work - Pile cap work - Strutting work </div>

		<p>3. Pihak KH Zam mengesyorkan kepada pihak Majlis supaya mengekalkan penggunaan '<i>spun pile</i>' sepertimana reka bentuk asal bangunan dengan kos pembaikan dianggarkan sebanyak RM 6,991,518.00.</p>		
<p>7. Berdasarkan kos yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak ini, pihak Majlis berpandangan bahawa kos pembaikan cerucuk adalah sangat tinggi iaitu kos yang paling rendah ialah dengan mengekalkan reka bentuk cerucuk sedia ada dengan kos sebanyak RM 6,991,518.00.</p> <p>8. Penilaian awal oleh pihak Majlis mendapati pemantauan tapak bina yang lemah daripada Perunding dan wakil Perunding juga menyumbang kepada kegagalan pembinaan tersebut.</p> <p>9. Siasatan yang dikemukakan oleh pihak Terrain Resources Sdn. Bhd. juga mendapati cerucuk yang ditanam di tapak tidak mengikut kedalaman sepertimana yang direka bentuk oleh pihak Perunding. Cerucuk yang ditanam telah diletakkan dalam keadaan '<i>false set</i>'. Hal ini sangat membimbangkan kerana ia melibatkan risiko keselamatan sekiranya struktur asas ini tidak kukuh. Pihak TRSB juga mengesyorkan penukaran cerucuk jenis '<i>spun pile</i>' kepada '<i>bore pile</i>'.</p> <p><u><i>Implikasi pembatalan projek</i></u></p> <p>1. Pembatalan projek ini perlu dususuli dengan penamatan kontraktor dan para perunding yang dilantik. Tindakan ini perlu dilaksanakan dengan merujuk kepada prosedur penamatan yang dinyatakan dalam kontrak agar tindakan penamatan ini tidak mengundang beban</p>				

		<p>perundangan dan kewangan kepada pihak Majlis.</p> <ol style="list-style-type: none"> 2. Pihak kontraktor dan Perunding berkemungkinan akan membuat tuntutan bayaran dan ganti rugi atas penamatan ini. 3. Liabiliti semua pihak yang terlibat dalam kegagalan projek ini akan diteruskan dengan merujuk kes ini kepada pihak peguam untuk meneruskan tindakan litigasi sivil. 4. Pihak Majlis perlu menamatkan pinjaman pembiayaan projek ini yang diperolehi daripada Kerajaan Negeri Selangor dan melaksanakan pembayaran balik berdasarkan perjanjian yang ditetapkan. 5. Tapak pembinaan tersebut perlu dipulihkan untuk dijadikan sesuatu yang berguna seperti tempat letak kereta, landskap atau air pancuran. <p><u>Syor jabatan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Majlis Mesyuarat ini adalah dipohon untuk mempertimbangkan kertas mesyuarat ini berdasarkan syor-syor yang berikut : <ol style="list-style-type: none"> 1.1 meluluskan cadangan untuk membatalkan projek pembinaan bangunan baru MPKL 1.2 meluluskan cadangan penamatan perjanjian pembiayaan projek tersebut dengan pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui Perbendaharaan Negeri Selangor 1.3 meluluskan secara dasar penamatan khidmat pihak Kontraktor dan Perunding yang terlibat dalam projek ini. Surat dan dokumen penamatan perlu mengikut prosedur penamatan yang dinyatakan di dalam perjanjian pihak-pihak tersebut masing-masing 1.4 meluluskan secara dasar lantikan panel peguam bagi melaksanakan tindakan guaman atau litigasi sivil dalam menuntut apa-apa kerugian yang boleh dituntut kepada pihak Kontraktor atau Perunding 	
--	--	--	--

1.5 meluluskan pemakluman pembatalan projek ini kepada Pihak Berkuasa Negeri melalui MTES dan SELCAT.

Ulasan ahli mesyuarat

1. Tuan Pengerusi memaklumkan berkemungkinan pihak Kontraktor akan menuntut ganti rugi daripada pihak Majlis susulan Notis Henti Kerja yang telah dikeluarkan sebelum ini. Manakala bayaran kepada Perunding dibuat berdasarkan kerja-kerja yang telah dilaksanakan di tapak.
2. Encik Gan Yee Chin ingin tahu sama ada pihak Majlis akan menuntut kos pemulihan daripada pihak yang terlibat.

Tuan Pengerusi memaklumkan Unit Perundangan akan berbincang dengan pihak peguam yang dilantik untuk berbincang mengenai sabitan dan mengenal pasti kos-kos yang boleh dituntut oleh pihak Majlis.

3. Encik Lim Tou Yih ingin tahu sama ada pihak Majlis mempunyai cadangan tapak lain untuk bangunan baharu MPKL. Beliau menyatakan MPKL perlu mempunyai sebuah bangunan pejabat baharu di lokasi yang lebih sesuai pada masa akan datang. Tapak yang sedia ada boleh dijadikan tempat letak kereta untuk orang awam yang berurusan di MPKL.

Tuan Pengerusi memaklumkan buat masa ini pihak Majlis belum mengenal pasti tapak yang sesuai.

4. Cik Ang Lee Yong mencadangkan kertas mesyuarat ini ditangguhkan dan dibincangkan semula dalam satu mesyuarat khas dengan menjemput pihak media supaya pihak Majlis dapat menerangkan perkara yang sebenar mengenai cadangan untuk membatalkan projek ini.
5. Encik Mat Irwan menyatakan projek ini merupakan sebuah projek yang menggunakan perbelanjaan yang tinggi. Ini merupakan satu keputusan yang sukar untuk dilakukan

		<p>memandangkan projek ini telah menjadi perhatian masyarakat. Namun beliau bersetuju dengan tindakan pihak Majlis untuk membawa pihak-pihak yang terlibat ke mahkamah. Selain itu, beliau berharap satu perbincangan yang lebih terperinci melibatkan semua Ahli Majlis dapat dilakukan. Beliau berharap dengan cadangan pembatalan projek ini tidak akan mematahkan harapan dan cita-cita MPKL untuk mempunyai sebuah bangunan pejabat baharu yang mungkin akan menjadi satu ikon kepada MPKL. Oleh itu, pihak Majlis perlu mempunyai hala tuju dan perancangan yang lebih baik.</p> <p>6. Encik Wong Kim Loon bersetuju supaya pihak Majlis mengenal pasti tapak lain yang lebih sesuai supaya satu bangunan pejabat baharu MPKL dapat dibina pada masa akan datang. Pada peringkat awal, beliau melihat projek ini tidak sesuai dilaksanakan di hadapan pejabat Majlis yang sedia ada kerana menurut kepercayaan masyarakat Cina, ia bertentangan dengan <i>'feng shui'</i>.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju menangguhkan kertas mesyuarat ini dan akan dibincangkan semula dalam satu mesyuarat khas.</p>	
	<p>7.4</p>	<p><u>ADDENDUM NO. 1</u></p> <p>LAPORAN INSIDEN LIMPAHAN MINYAK DIESEL DI KUALA LANGAT POWER PLANT SDN. BHD.</p> <p>Laporan ini telah dibentangkan untuk makluman mesyuarat.</p> <p><u>Latar belakang</u></p> <p>1. Pada 4 Mei 2020, pihak MPKL menerima aduan berkenaan limpahan minyak diesel tersebut melalui <i>'WhatsApp'</i> dan berikutan daripada itu, satu surat bertarikh 6 Mei 2020 telah dikemukakan kepada Kuala Langat Power Plant Sdn. Bhd. untuk mendapatkan penjelasan berkenaan insiden tersebut.</p>	<p>JPP</p>

		<p>2. Cabutan daripada Keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 9/2020 Bertarikh 11 Mac 2020 Yang Telah Disahkan Oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 10 / 2020 Bertarikh 17 Mac 2020.</p> <p>2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menimbang dan meluluskan pelaksanaan Pelan Tindakan Bersepadu Menangani Pencemaran Sumber Air Negeri Selangor bagi mengawal dan mencegah isu pencemaran sumber air yang menyebabkan henti tugas Loji Pembersihan Air (LPA) dengan tambahan perkara-perkara berikut :</p> <p>2.1.1 Bersetuju agar pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengemas kini inventori aktiviti guna tanah di rizab sungai dalam Sistem Maklumat Geografi (GIS) dengan kadar segera dalam tindakan jangka pendek;</p> <p>2.1.2 Bersetuju agar pihak LUAS bersama Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menambah bilangan alat pengesan / sensor di sepanjang Lembangan Sungai Selangor dan Sungai Langat bagi mendapat amaran awal pencemaran sebelum ia sampai ke muka sawk Loji Pembersihan Air (LPA). Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri juga mengambil maklum akan tindakan yang telah diambil oleh LUAS bagi mengenalpasti teknologi sensor mengesan bau dalam pencemaran air;</p> <p>2.1.3 Bersetuju agar pihak LUAS bersama PlanMalaysia@</p>	
--	--	--	--

		<p>Selangor mengkaji cadangan pewartaan lembangan sungai yang melibatkan sungai bagi muka sauk utama LPA iaitu Sungai Langat. Pewartaan seterusnya termasuk Sungai Semenyih dan Sungai Selangor serta diikuti sungai-sungai yang lain bagi menetapkan kawalan khusus bagi rizab atau lembangan sungai dari teredah kepada pencemaran;</p> <p>2.1.4 Bersetuju agar semua PBT/Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) memberikan kerjasama dan memantau aktiviti vandalisme di rizab sungai atau lembangan sungai bagi memastikan tiada pihak yang tidak bertanggungjawab melepas bahan pencemar ke dalam sungai; dan</p> <p>2.1.5 Bersetuju agar pihak LUAS memaklumkan status kemajuan tindakan-tindakan jangka pendek di peringkat jabatan dan agensi kepada Mesyuarat EXCO MTES. <i>Tindakan : Pengarah LUAS, Pengarah PlanMalaysia@Selangor, Pengarah JAS Selangor, Datuk Bandar dan YDP PBT, Semua Pentadbir Tanah dan Daerah, dan Timbalan Pengarah Seksyen Makro dan Penswastaaan, UPEN.</i></p>	
--	--	---	--

Perkara-perkara yang hendak dilaporkan

1. Maklumat am lokasi kilang Kuala Langat Power Plant Sdn Bhd. dan aktiviti gunatanah bagi perindustrian & perusahaan di sepanjang Sungai Langat adalah seperti berikut :
 - 1.1 Kuala Langat Power Plant Sdn. Bhd. di bawah pengurusan Edra Power Holdings Sdn. Bhd, terletak di dalam Zon Gunatanah Perindustrian, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat.
 - 1.2 Premis ini menjalankan aktiviti penjanaan elektrik yang berkeluasan 298, 794 meter persegi (71.6 ekar).
 - 1.3 Kuala Langat Power Plant Sdn. Bhd. di bawah pengurusan Edra Power Holdings Sdn. Bhd, terletak di dalam Zon Gunatanah Perindustrian, Mukim Tanjung Dua Belas, Daerah Kuala Langat.
 - 1.4 Premis ini menjalankan aktiviti penjanaan elektrik yang berkeluasan 298, 794 meter persegi (71.6 ekar).
2. Kronologi limpahan minyak diesel di Kuala Langat Power Plant (premis penjanaan elektrik) - Laporan oleh Kuala Langat Power Plant Sdn Bhd. adalah seperti berikut :
 - 2.1 Pada 1 Mei 2020, pekerja stesen telah mengesan bahawa terdapat sisa minyak diesel terperangkap di “*safety boom*” bersebelahan kawasan titik pelepasan akhir bahan buangan (*effluent discharged point*) di dalam premis stesen. Minyak diesel kelihatan terapung di atas permukaan parit monsun sebelum “*safety boom*” dan arah air mengalir dari stesen ke arah penghujung parit monsun yang bersambung ke Sungai Langat.
 - 2.2 Berikutan daripada itu, pekerja penyelenggara stesen terus menjalankan operasi pembersihan dan penghadangan aliran minyak dengan memasang “*oil boom*” di kawasan pelepasan akhir bahan buangan di premis dan penyemburan bahan pemecah

minyak. Selepas itu, sisa minyak diesel berjaya dikawal dan tidak lagi kelihatan terapung di atas permukaan air.

2.3 Pada 2 Mei 2020, pihak kilang mendapati bahawa masih kelihatan kesan sisa minyak terperangkap di parit monsun semasa keadaan air sungai surut. Pihak stesen telah segera menjalankan kerja-kerja pembersihan dan pencegahan seperti berikut :

- i. Memasang “*oil boom*” tambahan di lokasi-lokasi tertentu;
- ii. Mengepam keluar sisa minyak secara berterusan;
- iii. Menjalankan pembersihan secara manual di parit monsun,
- iv. Menyembur bahan pemecah minyak secara berterusan; dan
- v. Menggunakan “*activated carbon*” dengan meletakkannya di dalam parit monsun yang berhampiran dengan titik pelepasan akhir.

2.4 Kerja-kerja pembersihan dan penghadangan baki sisa minyak telah dijalankan sehingga keadaan dikenalpasti selamat dan tiada lagi sisa minyak di dalam air (sekitar kawasan pelepasan akhir bahan buangan).

2.5 Hasil siasatan awal oleh pihak kilang mendapati bahawa kemungkinan limpahan minyak berlaku kerana sistem peralatan pemisah minyak dan tidak dapat menampung campuran minyak diesel dan air yang dikeluarkan semasa operasi pemisahan kandungan air yang dijalankan pada 30 April 2020. Walaubagaimanapun, siasatan masih lagi dijalankan untuk mengenalpasti punca utama kejadian dan untuk mengelak daripada kejadian tersebut berulang serta akan menambah baik sistem pemisah minyak ini.

2.6 Pihak kilang turut memaklumkan kepada Jabatan Alam Sekitar tentang kejadian ini pada 1 Mei 2020 dan hasil lawatan pihak Jabatan Alam Sekitar telah mendapati langkah awal yang diambil oleh pihak stesen adalah memuaskan.

Laporan terkini dari pihak Lembaga Urus Air Selangor – Pemantauan sumber air lembangan Sungai Langat bertarikh 11 Mei 2020 jam 8.30 pagi hingga 8.30 malam oleh petugas Pasukan Khas Lembangan Dan Alur Air (Pakar) Langat Upper.

1. Pihak jabatan telah mendapatkan laporan pemantauan dan pemeriksaan terkini daripada pihak LUAS bertarikh 13 Mei 2020 melalui Aplikasi *What'sApp* seperti berikut :

1.1 Pasukan pemantau membuat pemeriksaan susulan dikilang Kuala Langat Power Plant (KLPP) dan mendapati tiada tompokan minyak di dalam parit monsoon (selepas sempadan premis) begitu juga di titik pertemuan longkang utama dengan Sungai Langat dan di *intake* LRA Labohan dagang.

1.2 Pemeriksaan seterusnya dibuat di point persampelan (S66 Sg Langat) dan seterusnya dilokasi perangkap sampah di hulu persampelan (S66 Sg Langat) dengan hasil pemeriksanaan tiada tompokan minyak ditemui.

1.3 Secara keseluruhannya tiada kesan minyak ditemui semasa pemantauan daripada longkang selepas kilang KLPP hingga ke '*intake*' LAR Labohan Dagang.

1.4 Pemantauan juga dilakukan di sekitar Lembangan Sungai Langat dan Lokasi persampelan sumber air mentah iaitu di anak-anak sungai dan Sg Langat dan hasil pemeriksaan didapati keadaan sungai utama dan anak sungai adalah normal.

Lawatan tapak oleh wakil MPKL bertarikh 13 Mei 2020

1. Pada jam 11.00 pagi, wakil jabatan Perancangan Pembangunan MPKL dan wakil Jabatan Penguatkuasa telah hadir ke Kuala Langat Power Plant untuk meninjau perkembangan terkini isu berikutan aduan yang diterima berkenaan insiden limpahan minyak diesel di Kuala Langat Power Plant Sdn Bhd.
2. Semasa tinjauan di kawasan titik pelepasan akhir bahan buangan (*final effluent discharged point*) didapati pihak kilang ada memasang perkakasan kerja-kerja pembersihan (seperti *oil boom*, *activated carbon*, dan lain-lain yang berkaitan.) Secara amnya, tiada sebarang cecair seperti minyak di permukaan air.
3. Melalui keterangan oleh wakil kilang, kerja-kerja pembersihan telah mula dijalankan sejak 1 hingga 9 Mei 2020, manakala pemantuan adalah berterusan sehingga pada tarikh 13 Mei 2020.

Ulasan ahli mesyuarat

1. Encik Mat Irwan mengucapkan terima kasih kepada pihak Majlis yang bersikap proaktif dalam menangani isu pencemaran ini. Walau pun tempoh pencemaran berlaku dalam jangka masa yang singkat, namun memberikan kesan yang besar kepada nelayan dan alam sekitar.

Beliau berharap MPKL akan menjadi sebuah Pihak Berkuasa Tempatan yang tegas berkaitan isu pencemaran seperti ini. Mungkin pihak Majlis boleh mengenal pasti Undang-Undang Kecil di bawah MPKL yang boleh digunakan untuk mengenakan kompaun kepada pihak yang cuai ini.

Sebelum ini Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli ada membuat beberapa inisiatif seperti berikut :

- 1.1 Jurutera Daerah JPS Kuala Langat telah diminta menyediakan beberapa kertas kerja untuk dikemukakan kepada JPS Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan. Contohnya peruntukan bagi menangani isu

		<p>banjir di Jalan Perepat telah diluluskan oleh JPS Negeri Selangor.</p> <p>Beliau menyatakan Sungai Langat masih boleh dipulihara memandangkan tidak menghadapi isu pencemaran yang teruk.</p> <p>2. Encik E. Munusamy memaklumkan banyak kilang haram membuang sisa kilang ke dalam sungai dan seterusnya menjejaskan pendapatan nelayan setempat. Beliau berpendapat pihak LUAS sepatutnya memantau keadaan sungai-sungai yang ada di Negeri Selangor.</p> <p><i>Tuan Pengerusi menyatakan pihak LUAS bertanggungjawab terhadap sungai-sungai dan pihak Majlis tidak mempunyai peruntukan undang-undang yang membolehkan tindakan diambil terhadap pihak yang mencemarkan sungai. Beliau berpendapat peranan LUAS perlu diperkasakan supaya dapat menguatkuasakan undang-undang dengan lebih berkesan.</i></p>	
	<p>7.5</p>	<p><u>ADDENDUM NO. 2</u></p> <p>PEMBAYARAN BANTUAN KHAS KEWANGAN (BKK) TAHUN 2020 SEBANYAK RM 1,000.00 KEPADA PENJAWAT AWAM GRED 56 KE BAWAH DI JABATAN/AGENSI PENTADBIRAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR.</p> <p>Kertas mesyuarat ini telah dibentangkan untuk pertimbangan dan kelulusan mesyuarat.</p> <p><u>Kelayakan</u></p> <p>1. Anggota yang layak dibayar BKK ini adalah seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Orang Besar Daerah; ii. Ahli Majlis di Pihak Berkuasa Tempatan iii. Pegawai Tetap, Sementara dan Pekerja Sambilan Harian; iv. Pegawai yang dilantik di bawah 'Contract of Service' dan 'Contract for Service'; v. Pegawai yang bercuti separuh gaji; vi. Pegawai yang bercuti bergaji penuh 	<p>JP</p>

		<p>2. Anggota yang tidak layak dibayar BKK ini adalah seperti berikut :</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Pegawai yang bercuti tanpa gaji sepanjang tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2020; ii. Pegawai yang ditamatkan perkhidmatan demi kepentingan awam dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2020; iii. Pegawai yang dikenakan hukuman tatatertib selain daripada hukuman amaran dalam tempoh 1 Januari 2020 hingga 30 Jun 2020. <p>3. Pegawai yang ditangguhkan pemberian BKK ini adalah pegawai yang ditahan kerja, digantung kerja atau surat pertuduhan telah dikeluarkan pada atau sebelum 30 Jun 2020 oleh Pihak Berkuasa Tatatertib. Pegawai hanya layak dibayar BKK sekiranya Pihak Berkuasa Tatatertib mendapati pegawai tersebut tidak bersalah.</p> <p><u>Implikasi kewangan</u></p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Implikasi kewangan yang terlibat dalam pembayaran BKK kepada kakitangan dan Ahli Majlis MPKL adalah dianggarkan sebanyak RM 457,000.00. 2. Bantuan Khas Kewangan ini akan dibayar pada 9 Jun 2020. <p><u>Syor jabatan</u></p> <p>Majlis Mesyuarat dipohon untuk menimbang dan meluluskan pemakaian keputusan berkaitan Bantuan Khas Kewangan Tahun 2020 ini. Namun ia tertakluk kepada Pekeliling BKK Tahun 2020 yang akan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kelak. Justeru itu keputusan Pekeliling tersebut adalah mengatasi keputusan kertas mesyuarat ini pada hari ini.</p> <p><u>KEPUTUSAN MESYUARAT</u></p> <p>Mesyuarat bersetuju meluluskan kertas mesyuarat ini.</p>	
--	--	--	--

8.0	<u>HAL-HAL LAIN</u>		
	8.1	<p>STANDARD PROSEDUR OPERASI BAGI TEMPAT PENYEMBELIHAN AYAM DI PASAR AWAM MILIK MPKL.</p> <p>Tuan Pengerusi memaklumkan mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Diubahsuai yang ada menyatakan tiada aktiviti penyembelihan dibenarkan dilakukan di pasar awam dimana peniaga hanya dibenarkan menjual ayam yang telah siap diproses.</p> <p><i>Encik Ang Eu Liang bersetuju dengan cadangan tersebut. Namun beliau meminta peniaga terlibat diberikan tempoh masa yang munasabah untuk mencari tempat penyembelihan lain memandangkan notis yang diberikan oleh pihak Majlis adalah sehingga 31 Mei 2020.</i></p> <p><i>Pengarah JPPH memaklumkan para peniaga diberikan tempoh sehingga 31 Mei 2020 untuk mencari tempat penyembelihan lain.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi menyatakan pihak Majlis akan melanjutkan tempoh tersebut sehingga 7 Jun 2020 dan peniaga perlu memindahkan reban ayam kampung serta bakul-bakul ayam daripada petak niaga masing-masing.</i></p> <p><i>Encik E. Munusamy ingin tahu sama ada perkara ini akan dikuatkuasakan terhadap premis di kawasan kampung.</i></p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pihak Majlis akan menguatkuasakan perkara ini ke kawasan lain secara berperingkat. Tumpuan utama pihak Majlis pada masa ini adalah pasar awam milik Majlis.</i></p>	Makluman
	8.2	Cik Ang Lee Yong :	
	i.	<p>Beliau ingin tahu pengecualian bayaran sewaan premis perniagaan milik MPKL yang diberikan kepada penyewa sepanjang penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pengecualian tersebut diberikan sehingga bulan April 2020 kepada peniaga</i></p>	Makluman

		<p><i>makanan di premis perniagaan milik Majlis dengan syarat iaitu tiada tunggakan sewa sehingga bulan Februari 2020. Namun penyewa boleh mengemukakan surat rayuan pengecualian bayaran sewa kepada pihak Majlis untuk pertimbangan. Tiada pengecualian bayaran sewa bagi aktiviti perniagaan pasar awam, kedai runcit dan klinik yang beroperasi di premis perniagaan MPKL sepanjang tempoh tersebut.</i></p>	
	ii.	<p>Terdapat peniaga yang tidak menjalankan perniagaan sepanjang tempoh PKP tetapi dikenakan caj penggunaan air.</p> <p><i>Pengarah JPPH memaklumkan bil tersebut adalah untuk kenaikan penggunaan air pada bulan Mac 2020. Walau pun premis tersebut tidak beroperasi, pihak SYABAS masih mengenakan caj yang minimum kepada pengguna.</i></p>	Makluman
	iii.	<p>Sehingga kini peniaga pasar malam dan pasar pagi masih tidak dibenarkan menjalankan perniagaan menyebabkan mereka kehilangan punca pendapatan. Beliau mencadangkan pasar malam dan pasar pagi dibenarkan beroperasi dengan kaedah penggiliran peniaga bagi mengelakkan kesesakan di kawasan pasar tersebut.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan pengawalan terhadap orang awam sukar dilakukan di pasar ini kerana tidak berada dalam kawasan berpagar yang memudahkan kawalan keluar masuk.</i></p> <p><i>Encik Teh Eng Teck mencadangkan mana-mana dewan orang ramai MPKL yang tidak digunakan pada masa ini dijadikan tapak pasar malam atau pasar pagi. Namun ia perlu dibincangkan dengan teliti dalam Mesyuarat Jawatankuasa yang sesuai.</i></p>	Makluman
	iv.	<p>Pecahan penggunaan peruntukan MPP untuk aktiviti sumbangan adalah sebanyak 30% sahaja. Beliau memohon pertimbangan pihak Majlis supaya menaikkan peratus sumbangan memandangkan tiada program MPP akan dijalankan sehingga penghujung tahun ini.</p> <p><i>Tuan Pengerusi memaklumkan Pengarah JPM akan meneliti cadangan tersebut.</i></p>	Makluman

9.0	<u>UCAPAN PENANGGUHAN</u>		
	Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Teh Eng Teck.		
	i.	<p>Beliau mengucapkan selamat pagi dan salam sejahtera kepada Tuan Yang Dipertua, Timbalan Yang Dipertua, YAD. Dato' Orang Besar Daerah, Ketua-ketua Whip, YB. Ahli Dewan Negeri Selangor Kawasan Banting, Ahli-Ahli Majlis dan Pengarah-Pengarah Jabatan.</p> <p>Beliau mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk menyampaikan ucapan penangguhan pada hari ini dalam suasana yang unik dan bersejarah. Ini merupakan Mesyuarat Majlis yang pertama selepas diisytihar sebagai Majlis Perbandaran. Semua pihak perlu berusaha lebih kuat kerana mungkin penduduk daerah Kuala Langat mempunyai tanggapan tersendiri dan mempunyai permintaan yang tinggi kepada Ahli Majlis dan MPKL.</p>	Makluman
	ii.	<p>Ini juga merupakan mesyuarat yang pertama diadakan dalam keadaan penularan wabak COVID-19. Pandemik ini membuktikan kepentingan peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada masyarakat setempat. PBT adalah pihak yang memperhalusi dasar daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Seterusnya akan memperincikan tatacara pelaksanaan dan merupakan pelaksana yang membolehkan segala langkah yang dicadangkan itu benar-benar berkesan.</p> <p>Sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) ini, semua pihak harus mengakui bahawa tidak semua perkara berjalan dengan lancar kerana tiada pihak yang berpengalaman dalam menangani situasi seperti ini. Namun semua pihak harus berbangga dengan pencapaian daerah Kuala Langat yang berada dalam Zon Hijau dalam Negeri Selangor ini. Oleh itu, semua pihak harus berusaha dan berdoa agar keadaan bertambah baik.</p> <p>Penghargaan perlu diberikan kepada warga MPKL yang juga merupakan barisan hadapan. Bukan sahaja</p>	Makluman

	<p>ketika PKP tetapi sepanjang masa ini yang banyak berkorban walau pun jarang dibicarakan oleh orang ramai. Pandemik ini turut memberikan kesedaran kepada beliau bahawa keperluan untuk bergerak lebih pantas bagi menggiatkan lagi usaha untuk menggunakan teknologi dalam urusan harian. Semua pihak perlu mengakui bahawa normal baharu akan menjadi amalan baharu dalam kehidupan harian. Oleh itu, beliau meminta supaya pihak Majlis memperhalusi Standard Prosedur Operasi untuk pelbagai urusan sedia ada terutamanya urusan yang melibatkan orang ramai. Semua pihak perlu memikirkan cara untuk membolehkan lebih banyak urusan diselesaikan secara atas talian seperti permohonan lesen dan permit. Walau bagaimanapun, beliau berpendapat kesan negative kepada ekonomi Negara dan setempat akan dapat dirasai dalam tempoh terdekat ini. Ini dapat dilihat daripada statistik kadar pengangguran dimana semua pihak tidak dapat menjangkakan sama ada keadaan akan bertambah baik atau buruk pada masa akan datang.</p> <p>Oleh itu, beliau percaya Mesyuarat Jawatankuasa yang akan datang adalah lebih penting dan mencabar kerana selain membincangkan perkara-perkara yang tertangguh, pihak Majlis perlu membawa banyak perubahan untuk menyahut cabaran dalam masa yang terdekat. Apa yang normal suatu masa dahulu, tidak lagi menjadi normal pada hari ini dan mengambil iktibar daripada keputusan yang dibuat oleh beberapa pihak kebelakangan ini adalah penting dalam mengambil kira kepentingan pelbagai pihak sebelum membuat sesuatu keputusan untuk mengekalkan keyakinan warga Kuala Langat kepada MPKL. Oleh itu, semua pihak perlu bersama-sama membuat yang terbaik untuk pembangunan daerah Kuala Langat.</p> <p>Jika dilihat daripada sudut positif, pandemik ini mampu mendisiplinkan masyarakat untuk beratur dalam mematuhi penjarakkan sosial dan tiada kerusi meja diletakkan di petak letak kereta. Beliau berpendapat ini merupakan satu peluang yang baik dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan yang berkaitan.</p>	
--	--	--

	iii.	Sebelum mengakhiri ucapan, beliau mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua Ahli Mesyuarat dan pastinya sambutan Hari Raya pada tahun 2020 ini akan diingati untuk selama-lamanya.	Makluman
10.0	<u>UCAPAN PENUTUP OLEH Pengerusi</u>		
		Tuan Pengerusi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan memohon maaf sekiranya terdapat kekasaran bahasa serta salah silap yang tidak disengajakan. Seterusnya beliau menangguhkan mesyuarat pada hari ini.	Makluman

Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.20 pagi.

Disediakan oleh :

Urus setia Mesyuarat,
 Jabatan Khidmat Pengurusan
 Majlis Perbandaran Kuala Langat
 Tarikh : 28/5/2020

Disemak oleh :

.....
(MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.)
 Setiausaha,
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Disahkan oleh :

.....
(MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, S.I.S.,P.P.T.)
 Yang Dipertua,
 Majlis Perbandaran Kuala Langat

Minit mesyuarat ini dicadangkan untuk disahkan oleh
 dan disokong oleh

PETUNJUK :

1. JKP - JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
2. JP - JABATAN PERBENDAHARAAN
3. JPPH - JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
4. JPL - JABATAN PELESENAN
5. JPP - JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN
6. JK - JABATAN KEJURUTERAAN
7. JKB - JABATAN KAWALAN BANGUNAN
8. JL - JABATAN LANDSKAP
9. JPM - JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT
10. JPK - JABATAN PENGUATKUASAAN
11. JPSPKP- JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL DAN KESIHATAN PERSEKITARAN
12. BTM - BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
13. UU - UNIT PERUNDANGAN
14. UAD - UNIT AUDIT DALAM
15. OSC - UNIT PUSAT SETEMPAT
16. PRO - UNIT KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM
17. COB - UNIT PESURUHJAYA BANGUNAN
18. UPUB - UNIT PEROLEHAN DAN UKUR BAHAN

rosmawati/mesyuarat mpkl bil.3 2020